



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2022

A black and white photograph of a hand holding a pen and writing on a spiral notebook, partially obscured by a purple graphic overlay.

---

MATEMATIK  
KERTAS 2  
1449/2

**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	1449/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah	:	100 Markah
Masa	:	2 jam 30 minit

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**

- Bahagian A** : Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 40 markah.
- Bahagian B** : Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 45 markah.
- Bahagian C** : Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan 15 markah.

## **2.0 PRESTASI CALON**

### **2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A**

#### **2.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Pada keseluruhannya, calon kurang memahami kehendak soalan yang dikemukakan dengan baik dan tidak berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Majoriti calon tidak dapat menjawab sebahagian besar soalan dengan sempurna.

#### **2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah lengkap. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka cuba menjawab semua soalan yang diberi tetapi tidak mendapat markah penuh untuk sebahagian soalan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya untuk menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

Rajah 1 pada ruang jawapan menunjukkan dua titik,  $P$  dan  $Q$  yang dilukis pada satah Cartes.


*Diagram 1 in the answer space shows two points,  $P$  and  $Q$  drawn on the Cartesian plane.*

- (a) Pada ruang jawapan, tandakan titik  $R$  yang mempunyai jarak mencancang 5 unit dari titik  $P$ .

*In the answer space, mark point  $R$  which has vertical distance of 5 units from point  $P$ .*


Calon dikehendaki **menanda titik  $R$**  yang mempunyai jarak mencancang 5 unit dari titik  $P$  pada ruang yang disediakan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon menanda titik  $R$  pada koordinat yang tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon menanda titik  $R$  pada koordinat yang salah kerana tidak dapat membezakan di antara jarak mengufuk dan jarak mencancang.

**Soalan 1 (b)**

- (b) Seterusnya, hitung jarak, dalam unit, antara titik  $R$  dan titik  $Q$ . Nyatakan jawapan betul kepada dua tempat perpuluhan.

*Hence, calculate the distance, in unit, between points,  $R$  and  $Q$ . State the answer correct to two decimal places.*

Calon dikehendaki **menghitung jarak antara titik  $R$  dan titik  $Q$**  dan memberikan jawapan betul kepada dua tempat perpuluhan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$Q(-2, 1) \quad R(3, 6)$$

$$\begin{aligned} \text{Distance} &= \sqrt{(3 - (-2))^2 + (6 - 1)^2} \\ &= \sqrt{5^2 + 5^2} \\ &= 5\sqrt{2} \\ &= 7.07 \text{ units} \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung jarak antara  $R$  dan  $Q$  dengan menggunakan rumus yang tepat dan memberikan jawapan betul kepada dua tempat perpuluhan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{aligned} &\sqrt{5^2 + 5^2} \\ &= 7.1 \text{ unit} \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung jarak antara  $R$  dan  $Q$  dengan menggunakan rumus yang tepat tetapi tidak memberikan jawapan betul kepada dua tempat perpuluhan.

**Soalan 2 (a)**

Satu set integer positif terdiri daripada 2, 3, 5, 7, 10, 11, 13, 16, 20, 21.

*A set of positive integers consist of 2, 3, 5, 7, 10, 11, 13, 16, 20, 21.*

Cari

*Find*

- (a) kuartil pertama,  
*the first quartile,*

Calon dikehendaki **mencari nilai kuartil pertama** bagi data tak terkumpul yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

2, 3, 5, 7, 10 | 11, 13, 16, 20, 21

$$\begin{aligned} \text{median} &= \frac{10+11}{2} & \text{First quartile} &= 5 \\ &= 10.5 \end{aligned}$$

Calon dapat mencari nilai kuartil pertama dengan tepat.

## Soalan 2 (b)

- (b) julat antara kuartil.  
*the interquartile range.*

Calon dikehendaki **mencari julat antara kuartil** bagi data tak terkumpul yang diberi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$Q_1 = 5$$

$$Q_3 = 16$$

$$\begin{aligned} \text{Interquartile range} &= 16 - 5 \\ &= 11 \end{aligned}$$

Calon dapat mencari julat antara kuartil dengan tepat menggunakan kaedah yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} Q_3 &= \frac{16 + 20}{2} \\ &= 18 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} Q_3 - Q_1 &= 18 - 4 \\ &= 12 \end{aligned}$$

Calon menentukan julat antara kuartil dengan menggunakan nilai kuartil pertama dan kuartil ketiga dengan menggunakan kaedah bagi data terkumpul.



**Soalan 3 (a)**

Tulis akas dan kontrapositif bagi implikasi berikut:

*Write the converse and contrapositive of the following implication:*

$$\text{Jika } x = 4, \text{ maka } 2x - 3 = 5$$

$$\text{If } x = 4, \text{ then } 2x - 3 = 5$$

Calon dikehendaki **menulis akas dan kontrapositif** bagi implikasi yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

*Akas / Converse: If  $2x - 3 = 5$ , then  $x = 4$*

*Kontrapositif / Contrapositive: If  $2x - 3 \neq 5$ , then  $x \neq 4$*

Calon dapat menulis akas dan kontrapositif dengan betul.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

*Akas / Converse: if  $x \neq 4$ , then  $2x - 3 \neq 5$*

*Kontrapositif / Contrapositive: if  $2x - 3 \neq 5$ , then  $x \neq 4$*

Calon hanya dapat menulis kontrapositif yang betul.

**Soalan 3 (b)**

- (b) Buat satu kesimpulan umum secara aruhan bagi urutan nombor 4, 28, 68, 124,... yang mengikut pola berikut:

*Make a general conclusion by induction for the sequence of numbers 4, 28, 68, 124, ... which follows the following pattern:*

$$4 = 8(1)^2 - 4$$

$$28 = 8(2)^2 - 4$$

$$68 = 8(3)^2 - 4$$

$$124 = 8(4)^2 - 4$$

⋮

Calon dikehendaki **membuat satu kesimpulan umum secara aruhan** bagi urutan nombor mengikut pola yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$8(n)^2 - 4, n = 1, 2, 3, 4, \dots$$

Calon dapat membuat kesimpulan secara aruhan dengan tepat dan lengkap.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$4, 28, 68, 124$$


$$\therefore 8n^2 - 4; n = 1, 2, 3, 4$$

Calon dapat membuat kesimpulan secara aruhan dengan betul tetapi tidak dapat menyenaraikan nilai  $n$  yang lengkap seperti dikehendaki.

**Soalan 4 (a)**

- (a) Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah dalam proses pengurusan kewangan yang tidak lengkap.

*Diagram 2 shows the incomplete steps in financial management process.*



**Rajah 2**  
**Diagram 2**

Nyatakan langkah yang berlabel *Y*.

*State the step labelled Y.*

Calon diminta **menyatakan langkah yang berlabel *Y*** dalam proses pengurusan kewangan pada Rajah 2.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

*Y: Evaluating Financial Status*

Calon dapat menyatakan langkah berlabel *Y* dengan tepat.

#### Soalan 4(b)

- (b) Puan Shafina bekerja sebagai seorang pereka hiasan dalaman di sebuah syarikat dengan gaji bersih RM8 500. Dia juga menerima RM1 200 setiap bulan hasil sewa rumahnya. Perbelanjaan tetap bulanan dan perbelanjaan tidak tetap bulannya masing-masing ialah RM4 350 dan RM3 610.

Jika Puan Shafina menetapkan 12% daripada gajinya sebagai simpanan tetap bulanan, hitung aliran tunai bulannya.

*Puan Shafina works as an interior designer in a company with a monthly salary of RM8 500. She also receives RM1 200 monthly from her house rental. Her monthly fixed expenses and monthly variable expenses are RM4 350 and RM3 610 respectively.*

*If Puan Shafina sets aside 12% of her salary as fixed monthly savings, calculate her monthly cash flow.*

Calon diminta **menghitung aliran tunai bulanan** Puan Shafina berdasarkan maklumat yang diberi.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{Total monthly income} &= \text{RM}8500 + \text{RM}1200 \\ &= \text{RM}9700 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Total monthly expenses} &= \text{RM}4350 + \text{RM}3610 \\ &= \text{RM}7960 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Fixed monthly savings} &= \frac{12}{100} \times 8500 \\ &= \text{RM}1020 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Monthly cash flow} &= \text{RM}9700 - 7960 - 1020 \\ &= \text{RM}720 \quad (\text{positive cash flow}) \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung aliran tunai Puan Shafina dengan langkah kerja yang sistematik dan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$8500 \times \frac{12}{100}$$

$$= 1020$$

$$8500 - 1200 - 4350 - 1020$$

$$= 1930$$


$\therefore$  Her monthly cash flow is RM 1930

Calon dapat menghitung nilai simpanan tetap sahaja tetapi tidak dapat menghitung aliran tunai yang betul.

### Soalan 5

Rajah 3 menunjukkan pelan lantai bagi sebuah kafe. Kawasan berlorek yang berbentuk rombus,  $RSTV$  ialah ruang majlis dan heksagon  $PQRVTU$  ialah ruang makan utama. Diberi bahawa  $ST: TU = 1: 4$  dan tinggi rombus ialah  $\frac{1}{3}$  daripada panjang  $PU$ .

*Diagram 3 shows the layout of a cafe. The shaded area which is in rhombus shape,  $RSTV$  is the function section and hexagon  $PQRVTU$  is the main dining section. It is given that  $ST: TU = 1: 4$  and the height of the rhombus is  $\frac{1}{3}$  of the length of  $PU$ .*



Rajah 3  
Diagram 3

Diberi bahawa luas ruang makan utama ialah  $628\text{m}^2$ .

Hitung panjang  $QP$ , dalam m.

*It is given that the area of the main dining section is  $628\text{ m}^2$ .*

*Calculate the length of  $QP$ , in m.*

Calon dikehendaki **menghitung panjang  $QP$** , dalam m berdasarkan maklumat yang diberi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\frac{1}{2} (50 + QP) (24) - (10)(8) = 628$$

$$\frac{1}{2} (1200 + 24QP) - 80 = 628$$

$$600 + 12QP - 80 = 628$$

$$12QP = 628 - 600 + 80$$

$$12QP = 108$$

$$QP = 9$$

Calon dapat menghitung panjang  $QP$  dengan membentuk dan menyelesaikan persamaan linear menggunakan rumus luas rombus dan luas trapezium yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$h_r = \frac{1}{3} Pu.$$

$$h_r = \frac{1}{3}(24) \\ = 8 \text{ m}$$

$$(40 + QP) \frac{1}{2} \times 24 + (8 \times 10) = 628$$

$$40 + QP = \frac{548}{12}$$

$$QP = 5.67 \text{ m}$$

Calon tidak dapat menghitung panjang  $QP$  kerana menggunakan rumus luas trapezium yang salah dalam persamaan linear yang dibentuk.

### Soalan 6 (a)

Encik Fahim membeli sebuah rumah yang diinsuranskan dengan insurans kebakaran yang mempunyai peruntukan ko-insurans 80% daripada nilai boleh insurans rumahnya. Nilai boleh insurans rumahnya ialah RM300 000 dan deduktibel sebanyak RM2 500.

Jika Encik Fahim menginsuranskan rumahnya dengan jumlah sebanyak RM200 000,

*Encik Fahim bought a house insured with the fire insurance which has a co-insurance provision of 80% of his house's insurable value. The house's insurable value is RM300 000 and a deductible of RM2 500.*

*If Encik Fahim insured his house with an amount of RM200 000,*

- (a) hitung bayaran pampasan yang akan diterimanya jika rumahnya mengalami kebakaran dan kerugian dianggarkan RM30 000.

*calculate the amount of compensation that he will receive if his house is caught on fire and the estimated amount of loss is RM30 000.*

Calon dikehendaki **menghitung bayaran pampasan** yang akan diterima oleh Encik Fahim berdasarkan situasi yang diberi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{Amount of insurance} &= 300\,000 \times \frac{80}{100} \\ &= \text{RM } 240\,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Amount of compensation} &= \frac{200\,000}{240\,000} \times 30\,000 - 2\,500 \\ &= 25\,000 - 2\,500 \\ &= \text{RM } 22\,500\end{aligned}$$

Calon dapat menghitung bayaran pampasan yang akan diterima oleh Encik Fahim dengan menggunakan kaedah yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}&= \frac{80}{100} \times \text{RM } 300\,000 = \text{RM } 240\,000 \\ &= \frac{\text{RM } 200\,000}{\text{RM } 240\,000} \times (\text{RM } 30\,000 - \text{RM } 2\,500) \\ &= \text{RM } 22\,916.67\end{aligned}$$

Calon hanya dapat menghitung nilai peruntukan ko-insurans rumah sahaja. Calon membuat kesilapan dalam menggunakan rumus untuk mengira pampasan yang akan diterima oleh Encik Fahim.



**Soalan 6 (b)**

(b) Seterusnya, nyatakan nilai penalti ko-insurannya.

*Hence, state his co-insurance penalty value.*

Calon dikehendaki **menyatakan nilai penalti ko-insurans.**

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**


$$\begin{aligned}\text{Co-insurance penalty} &= 30000 - 25000 \\ &= \text{RM } 5000\end{aligned}$$

Calon dapat menyatakan nilai penalti ko-insurans dengan tepat.

### Soalan 7

Rajah 4 menunjukkan sebuah kolam renang berbentuk segi empat tepat yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian kolam berbentuk heksagon dikhaskan untuk kanak-kanak dan selebihnya untuk dewasa. Diberi bahawa luas bahagian kanak-kanak ialah  $12\frac{4}{7}\text{ m}^2$  dan luas bahagian dewasa ialah  $107\frac{3}{7}\text{ m}^2$ .

*Diagram 4 shows a rectangular swimming pool which consists of two sections. The hexagonal part of the pool is designated for children and the rest is for adults. It is given that the area of children section is  $12\frac{4}{7}\text{ m}^2$  and the area of adults section is  $107\frac{3}{7}\text{ m}^2$ .*



Rajah 4  
Diagram 4

Diberi bahawa panjang salah satu sisi kolam heksagon itu adalah separuh daripada lebar kolam renang, cari nilai  $x$ .

*Given that the length of one of the sides of the hexagonal pool is half of the width of the swimming pool, find the value of  $x$ .*

Calon dikehendaki **mencari nilai  $x$**  berdasarkan maklumat yang diberi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} & \text{Area of the rectangular swimming pool} \\ & = (7x-2)\left(\frac{5}{2}x + \frac{5}{2}x\right) \\ & = (7x-2)(5x) \\ & = 35x^2 - 10x \end{aligned}$$

$$35x^2 - 10x = 107\frac{3}{7} + 12\frac{4}{7}$$

$$35x^2 - 10x = 120$$

$$35x^2 - 10x - 120 = 0$$

$$(x-2)(7x+12) = 0$$

$$x-2 = 0$$

$$x = 2$$

$$7x+12 = 0$$

$$x = -\frac{12}{7}$$

since length cannot be in negative,

$$x = 2$$

Calon dapat membentuk persamaan kuadratik daripada maklumat yang diberi dan seterusnya menyelesaikan persamaan tersebut untuk mencari nilai  $x$  menggunakan kaedah yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{lebar kolam renang} & = \frac{5}{2}x + \frac{5}{2}x \\ & = 5x \text{ m} \end{aligned}$$

$$(5x)(7x-2) = 107\frac{3}{7} + 12\frac{4}{7}$$

$$35x^2 - 10x = 120$$

$$35x^2 - 10x - 120 = 0$$

$$7x^2 - 2x - 24 = 0$$

$$(x-2)(7x+12) = 0$$


$$x = 2 \quad x = -\frac{12}{7}$$

Calon dapat membentuk persamaan kuadratik daripada maklumat yang diberi dan seterusnya menyelesaikan persamaan untuk mencari nilai  $x$  menggunakan kaedah yang betul. Calon tidak membuat kesimpulan dengan memilih nilai  $x$  yang positif sebagai jawapan akhir.

**Soalan 8**

Rajah 5 menunjukkan dua pakej promosi pelitup muka dan pensanitasi tangan yang ditawarkan oleh sebuah farmasi.

*Diagram 5 shows two promotion packages of face mask and hand sanitiser offered by a pharmacy.*



Rajah 5  
*Diagram 5*

Diberi bahawa seorang pelanggan membeli dua set pakej *B* dan dia membayar RM301.20.

Menggunakan kaedah matriks, cari harga, dalam RM, sekotak pelitup muka dan sebotol pensanitasi tangan.

*It is given that a customer buys two sets of package B and he pays RM301.20.*

*Using matrix method, find the price, in RM, of a box of face mask and of a bottle of hand sanitiser.*

Calon dikehendaki **mencari harga**, dalam RM, sekotak pelitup muka dan sebotol pensanitasi tangan menggunakan kaedah matriks.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{price of one package B} &= \frac{\text{RM}301.20}{2} \\ &= \text{RM}150.60 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{let price of one box of face mask} &= x \\ \text{price of one bottle hand sanitiser} &= y \end{aligned}$$

$$3x + 4y = 148.40$$

$$2x + 6y = 150.60$$

$$\begin{bmatrix} 3 & 4 \\ 2 & 6 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 148.40 \\ 150.60 \end{bmatrix}$$

$$\begin{aligned} \begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} &= \frac{1}{3(6) - 2(4)} \begin{bmatrix} 6 & -4 \\ -2 & 3 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} 148.40 \\ 150.60 \end{bmatrix} \\ &= \frac{1}{10} \begin{bmatrix} 6(148.40) - 4(150.60) \\ -2(148.40) + 3(150.60) \end{bmatrix} \end{aligned}$$

$$= \frac{1}{10} \begin{bmatrix} 288 \\ 155 \end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 28.80 \\ 15.50 \end{bmatrix}$$

$$\begin{aligned} \therefore \text{price of a box of face mask} \\ &= \text{RM}28.80 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{price of a bottle of hand sanitiser} \\ &= \text{RM}15.50 \end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan linear serentak berdasarkan maklumat yang diberi. Seterusnya, calon menggunakan kaedah matriks untuk mencari harga, dalam RM, sekotak pelitup muka dan sebotol pensanitasi dengan langkah kerja yang betul dan sistematik.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{mask} &= x & A &= 148.4 & A &= 3x + 4y \\ \text{Sanitizer} &= y & 2B &= 301.2 & B &= 2x + 6y \\ & & B &= 150.6 & & \end{aligned}$$

$$3x + 4y = 148.4$$

$$2x + 6y = 150.6$$

$$\begin{bmatrix} 3 & 4 \\ 2 & 6 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 148.4 \\ 150.6 \end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \frac{1}{3(6) - 4(2)} \begin{bmatrix} 6 & -4 \\ -2 & 3 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} 148.4 \\ 150.6 \end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \frac{1}{10} \begin{bmatrix} 6(148.4) - 4(150.6) \\ -2(148.4) + 3(150.6) \end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \frac{1}{10} \begin{bmatrix} 288 \\ 166 \end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 28.8 \\ 16.6 \end{bmatrix}$$


$$\begin{aligned} x &= \text{RM}28.8 \\ y &= \text{RM}16.6 \end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan linear serentak berdasarkan maklumat yang diberi. Seterusnya, calon menggunakan kaedah matriks untuk mencari harga, dalam RM, sekotak pelitup muka dan sebotol pensanitasi tetapi melakukan kesilapan dalam pengiraan yang melibatkan pendaraban dua matriks.

**Soalan 9 (a)(i)**

Rajah 6 menunjukkan titik  $M$  dan titik  $M'$  pada suatu satah Cartes.

*Diagram 6 shows points,  $M$  and  $M'$  on a Cartesian plane.*



**Rajah 6**  
*Diagram 6*

Titik  $M'$  ialah imej bagi titik  $M$  di bawah gabungan transformasi  $TR$ . Diberi transformasi  $T$  ialah translasi  $\begin{pmatrix} 2 \\ 6 \end{pmatrix}$  dan transformasi  $R$  ialah suatu putaran  $90^\circ$ .

*Point  $M'$  is the image of point  $M$  under a combined transformation  $TR$ . It is given that transformation  $T$  is a translation  $\begin{pmatrix} 2 \\ 6 \end{pmatrix}$  and transformation  $R$  is a rotation of  $90^\circ$ .*

(a) (i) Tentukan koordinat  $M'$ .

*Determine the coordinates of  $M'$ .*

Calon dikehendaki **menentukan koordinat  $M'$**  iaitu imej yang pertama dalam gabungan transformasi  $TR$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$M' = (3, 0)$$

Calon dapat menentukan koordinat  $M'$  iaitu imej bagi titik  $M$  di bawah transformasi  $R$  dengan tepat.

**Soalan 9 (a)(ii)**

(ii) Seterusnya, nyatakan arah putaran dan pusat putaran bagi transformasi  $R$ .

*Hence, state the direction of rotation and the centre of rotation for transformation  $R$ .*

Calon dikehendaki **menyatakan arah putaran dan pusat putaran** bagi transformasi  $R$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

anti clockwise at centre  $(-4, 2)$

Calon dapat menyatakan arah putaran dan pusat putaran bagi transformasi  $R$  dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

direction of rotation is anti clockwise  
centre of rotation is  $(-2, -3)$

Calon dapat menyatakan arah putaran transformasi  $R$  sahaja.

**Soalan 9 (b)**

- (b) Huraikan selengkapnya satu transformasi tunggal yang setara dengan transformasi  $TR$ .

*Describe in full, a single transformation which is equivalent to the combined transformation  $TR$ .*

Calon dikehendaki **menghuraikan satu transformasi tunggal** yang setara dengan transformasi  $TR$  dengan lengkap.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Reflection at line  $y = -x$

Calon dapat menghuraikan satu transformasi tunggal yang setara dengan transformasi  $TR$  dengan lengkap.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Translation  $\begin{pmatrix} -11 \\ 11 \end{pmatrix}$

Calon dapat menghuraikan satu transformasi tunggal yang setara dengan transformasi  $TR$  tetapi memberikan koordinat translasi yang tidak tepat.




**Soalan 10 (a)**

(a) Pada ruang jawapan, lakarkan graf  $y = \frac{3}{2}\sin x$  untuk  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .

*In the answer space, sketch graph of  $y = \frac{3}{2}\sin x$  for  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .*


Calon dikehendaki **melakar graf** bagi fungsi trigonometri yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Calon dapat melakar graf bagi fungsi trigonometri dengan bentuk lengkung serta melabel nilai minimum dan maksimum yang betul.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**




Calon dapat melakar graf bagi fungsi trigonometri dengan bentuk lengkung yang betul tetapi tidak melabel nilai minimum dan maksimum.

**Soalan 10 (b)(i)**

(b) Rajah 7 menunjukkan sebuah bingkai gambar berbentuk segi empat sama yang digantung pada dinding. Dua urat benang,  $PQ$  dan  $PR$  diikat pada bingkai itu.

*Diagram 7 shows a square picture frame which is hung on the wall. Two threads,  $PQ$  and  $PR$  are tied to the frame.*



Rajah 7  
Diagram 7

Jika  $P$  ialah titik tengah  $ST$ ,

*If  $P$  is the midpoint of  $ST$ ,*

- (i) hitung panjang  $PR$  dalam cm.  
*calculate the length of  $PR$  in cm.*

Calon diminta **menghitung panjang  $PR$**  dalam cm pada Rajah 7.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$PR = \sqrt{30^2 + 15^2}$$

$$PR = 33.541 \text{ cm}$$

Calon dapat menghitung panjang  $PR$  dengan menggunakan Teorem Pythagoras.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$PS = 15 \text{ cm}$$

$$c^2 = a^2 + b^2$$

$$c^2 = 30^2 + 15^2$$

$$c^2 = 1125$$

$$c = \sqrt{1125}$$

Calon dapat menghitung panjang  $PR$  dengan menggunakan Teorem Pythagoras tetapi tidak memberikan jawapan akhir dalam bentuk teringkas.

**Soalan 10 (b)(ii)**

(ii) Seterusnya, cari nilai  $\cos y^\circ$ .

*Hence, find the value of  $\cos y^\circ$ .*

Calon dikehendaki **mencari nilai  $\cos y^\circ$**  pada Rajah 7.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned}\cos y &= -\frac{30}{33.54} \\ &= -0.8945\end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan nisbah trigonometri yang betul untuk mendapatkan nilai  $\cos y^\circ$ .

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Membawa semua kelengkapan keperluan seperti alat geometri, kalkulator saintifik dan pembaris panjang semasa menduduki peperiksaan serta mahir menggunakannya.
- b) Menggunakan kaedah yang betul seperti yang dikehendaki oleh soalan.
- c) Menunjukkan langkah penyelesaian dengan kemas di ruang jawapan yang disediakan.
- d) Pembundaran hanya boleh dilakukan pada jawapan akhir tepat kepada dua tempat perpuluhan atau empat angka bererti.
- e) Memberi semua jawapan akhir dalam sebutan teringkas. Calon digalakkan merujuk senarai rumus Matematik yang disediakan.
- f) Menulis jawapan dan langkah-langkah penyelesaian dengan kemas dan teratur mengikut kehendak soalan.
- g) Membuat ulang kaji semua topik daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- h) Memperuntukkan masa yang secukupnya untuk menyemak semula semua langkah penyelesaian dan jawapan.
- i) Menjawab soalan yang lebih mudah dahulu semasa peperiksaan.

### 2.3.2 Guru

- a) Mengajar semua topik yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- b) Membimbing murid untuk menjawab soalan dengan menggunakan maklumat diberi dalam soalan, memahami tugas dan menyelesaikan soalan menggunakan langkah yang sistematik, kemas dan memberikan jawapan dengan lengkap.
- c) Memberi penekanan terhadap konsep, prinsip dan teorem untuk meningkatkan kefahaman murid.
- d) Memberi pendedahan panduan menjawab soalan mengikut format peperiksaan SPM.
- e) Melatih murid menggunakan kalkulator dengan betul. Nasihati murid bahawa penggunaan kalkulator hanya untuk membantu pengiraan mendapatkan jawapan dan bukan untuk meringkaskan jalan kerja.
- f) Memastikan murid menggunakan nombor perpuluhan sehingga empat angka bererti dalam langkah kerja dan membundarkan jawapan akhir kepada dua tempat perpuluhan. Untuk soalan yang melibatkan sudut dalam darjah, dua tempat perpuluhan harus digunakan dalam langkah kerja dan satu tempat perpuluhan untuk jawapan akhir.
- g) Memberikan perhatian kepada jalan kerja murid dan betulkan kesilapan mereka.
- h) Membimbing murid dengan kemahiran menyelesaikan masalah bagi membiasakan murid menjawab soalan KBAT.

## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Pada keseluruhannya, calon kurang memahami kehendak soalan yang dikemukakan dan tidak berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dalam bahagian ini. Calon hanya boleh menjawab beberapa bahagian soalan sahaja.

### **2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah sempurna. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian mengikut kehendak soalan dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan KBAT.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**


Calon kurang memahami kehendak soalan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya untuk menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 11 (a)(i)

- (a) Rajah 8.1 menunjukkan garis lurus  $RS$  yang berada pada suatu satah Cartes.  $O$  ialah asalan.

*Diagram 8.1 shows the straight line  $RS$  lies on a Cartesian plane.  $O$  is the origin.*



Rajah 8.1  
Diagram 8.1

- (i) Nyatakan kecerunan  $RS$ .  
*State the gradient of  $RS$ .*

Calon dikehendaki menyatakan kecerunan  $RS$  pada Rajah 8.1.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} 2y &= -3x + 8 \\ y &= -\frac{3}{2}x + 4 \end{aligned} \qquad m = -\frac{3}{2}$$

Calon dapat menyatakan kecerunan  $RS$  dengan menukar persamaan garis lurus  $RS$  kepada bentuk am iaitu  $y = mx + c$ .

**Soalan 11 (a)(ii)**

(ii) Cari pintasan- $x$  bagi garis lurus  $RS$ .

*Find the  $x$ -intercept of the straight line  $RS$ .*

Calon dikehendaki mencari pintasan- $x$  bagi garis lurus  $RS$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned}0 &= -\frac{3}{2}x + 4 \\-4 &= -\frac{3}{2}x \\-4\left(-\frac{2}{3}\right) &= x \\ \frac{8}{3} &= x\end{aligned}$$

Calon dapat mencari pintasan- $x$  dengan menggantikan nilai  $y=0$  ke dalam persamaan  $RS$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{aligned}2y &= -3x + 8 \\2(0) &= -3x + 8 \\ \text{pintasan-}x &= 2.67\end{aligned}$$


Calon dapat mencari pintasan- $x$  dengan menggantikan nilai  $y=0$  ke dalam persamaan  $RS$  tetapi jawapan akhir dalam bentuk nombor perpuluhan tidak diterima.



**Soalan 11 (b)(i)**

- (b) Rajah 8.2 menunjukkan kedudukan empat tempat tarikan di sebuah daerah yang dilukis pada suatu satah Cartes.

*Diagram 8.2 shows the locations of four attraction places in a district drawn on a Cartesian plane.*



Rajah 8.2  
Diagram 8.2

Diberi bahawa garis lurus yang menghubungkan Zoo dan Taman Rama-rama adalah selari dengan paksi-y. Pantai dan Zoo juga dihubungkan oleh suatu garis lurus.

*It is given that the straight line that connects Zoo and Butterfly Farm is parallel to the y-axis. The Beach and the Zoo is also connected by a straight line.*

- (i) Tentukan koordinat Zoo.

*Determine the coordinates of Zoo.*

Calon dikehendaki **menentukan koordinat Zoo** pada Rajah 8.2.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$m = \frac{3-2}{0+2}$$
$$= \frac{1}{2}$$

$$y = \frac{1}{2}x + 3$$
$$y = \frac{1}{2}(8) + 3$$
$$y = 7$$

Zoo (8,7)

Calon dapat menentukan koordinat Zoo dengan menggantikan nilai  $x=8$  ke dalam persamaan garis lurus yang menghubungkan Pantai dengan Zoo.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

equation of zoo and Beach =  $y = \frac{1}{2}x + 3$

$$m = \frac{3-2}{0-(-2)}$$
$$= \frac{1}{2}$$

when  $x = 8$   $y = \frac{1}{2}(8) + 3$   
 $= 7$

Calon dapat menentukan koordinat Zoo dengan menggantikan nilai  $x=8$  ke dalam persamaan garis lurus yang menghubungkan Pantai dengan Zoo tetapi tidak memberikan jawapan akhir dalam bentuk koordinat seperti yang dikehendaki dalam soalan.

### Soalan 11 (b)(ii)

- (ii) Seterusnya, cari persamaan garis lurus yang menghubungkan Muzium dengan Zoo jika kecerunan garis lurus yang menghubungkan kedua-dua tempat ini ialah  $-\frac{1}{4}$ .

*Hence, find the equation of straight line that connects Museum and Zoo if the gradient of the straight line that connects these two places is  $-\frac{1}{4}$ .*

Calon dikehendaki **mencari persamaan garis lurus** yang menghubungkan Muzium dan Zoo pada Rajah 8.2.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}m &= -\frac{1}{4} & 7 &= -\frac{1}{4}(8) + c & y &= -\frac{1}{4}x + 9 \\ & & 7 &= -2 + c & & \\ & & c &= 9 & & \end{aligned}$$

Calon dapat mencari persamaan garis lurus yang menghubungkan Muzium dan Zoo dengan menggunakan kecerunan yang diberi dan koordinat Zoo yang diperoleh daripada bahagian b(i).

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}y &= mx + c \\ 7 &= -\frac{1}{4}(8) + c \\ 7 &= -2 + c \\ c &= 9\end{aligned}$$

Calon hanya dapat mencari pintasan-y bagi garis lurus yang menghubungkan Muzium dan Zoo dengan menggunakan kecerunan yang diberi dan koordinat Zoo yang diperoleh daripada bahagian b(i). Persamaan garis lurus yang dikehendaki tidak dinyatakan.

**Soalan 12 (a)(i)**

- (a) Diberi set semesta,  $\xi = \{x: 39 \leq x < 52, x \text{ ialah integer}\}$ ,  
set  $J = \{x : x \text{ ialah gandaan bagi } 3\}$ , set  $K = \{x : x \text{ ialah faktor bagi } 200\}$  dan  
set  $L = \{x : x \text{ ialah nombor dengan keadaan hasil tambah digit-digitnya adalah}$   
lebih besar dari 6}.

*It is given that the universal set  $\xi = \{x: 39 \leq x < 52, x \text{ is an integer}\}$ ,  
set  $J = \{x : x \text{ is a multiple of } 3\}$ , set  $K = \{x : x \text{ is a factor of } 200\}$  and  
set  $L = \{x : x \text{ is a number such that the sum of its digits is greater than } 6\}$ .*

- (i) Senaraikan unsur bagi  $J$  dan  $L$  dengan menggunakan tatatanda set.

*List the elements of  $J$  and  $L$  by using the set notation.*

Calon dikehendaki **menyenaraikan unsur bagi  $J$  dan  $L$**  dengan menggunakan tatatanda set.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$J = \{39, 42, 45, 48, 51\}$$

$$L = \{39, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49\}$$

Calon dapat menyenaraikan unsur bagi  $J$  dan  $L$  dengan menggunakan tatatanda set dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$J = \{39, 42, 45, 48, 51\}$$

$$L = \{39, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 51\}$$

Calon dapat menyenaraikan unsur bagi  $J$  sahaja menggunakan tatatanda set. Calon melakukan kesilapan dalam menyenaraikan unsur bagi  $L$  dengan memberikan jawapan 51 yang tidak memenuhi syarat yang diberikan.


**Soalan 12 (a)(ii)**

- (ii) Seterusnya, lukis satu gambar rajah Venn untuk mewakili set semesta, set  $J$ , set  $K$  dan set  $L$ .

*Hence, draw the Venn diagram to represent the universal set, set  $J$ , set  $K$  and set  $L$ .*


Calon dikehendaki **melukis satu gambar rajah Venn** untuk mewakili set semesta, set  $J$ , set  $K$  dan set  $L$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Calon dapat melukis gambar rajah Venn untuk mewakili set semesta, set  $J$ , set  $K$  dan set  $L$  dengan semua unsur yang betul.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**



Calon dapat melukis gambar rajah Venn untuk mewakili set semesta, set  $J$ , set  $K$  dan set  $L$  tetapi terdapat satu unsur yang salah iaitu 51.

**Soalan 12(b)(i)**

- (b) Satu tinjauan telah dilakukan kepada 300 responden tentang syarikat penerbangan pilihan mereka. Terdapat tiga syarikat penerbangan yang disenaraikan iaitu *B Airlines*, *K Airlines* dan *M Airlines*. Jadual 1 menunjukkan keputusan tinjauan tersebut.

*A survey has been carried out on 300 respondents about the airline companies that they prefer. There are three airline companies that have been listed namely B Airlines, K Airlines and M Airlines. Table 1 shows the result of the survey.*

<b>Syarikat Penerbangan <i>Airline Company</i></b>	<b>Bilangan Responden <i>Number of Respondents</i></b>
<i>B Airlines</i>	188
<i>K Airlines</i>	49
<i>B Airlines dan M Airlines B Airlines and M Airlines</i>	47
<i>K Airlines dan M Airlines K Airlines and M Airlines</i>	12
<i>K Airlines sahaja K Airlines only</i>	22
<i>M Airlines sahaja M Airlines only</i>	63
<i>Ketiga-tiga syarikat All the three companies</i>	2

Jadual 1  
Table 1

- (i) Rajah 9 pada ruang jawapan menunjukkan gambar rajah Venn yang tidak lengkap. Diberi bahawa Set  $B = \{\text{responden yang memilih } B \text{ Airlines}\}$ , Set  $K = \{\text{responden yang memilih } K \text{ Airlines}\}$  dan Set  $M = \{\text{responden yang memilih } M \text{ Airlines}\}$ .


Menggunakan maklumat dalam Jadual 1, lengkapkan gambar rajah Venn tersebut.

*Diagram 9 in the answer space shows an incomplete Venn diagram. It is given that Set  $B = \{\text{respondents who choose } B \text{ Airlines}\}$ , Set  $K = \{\text{respondents who choose } K \text{ Airlines}\}$  and Set  $M = \{\text{respondents who choose } M \text{ Airlines}\}$ .*

*Using the information in Table 1, complete the Venn diagram.*

Calon dikehendaki **melengkapkan gambar rajah Venn** dengan menulis bilangan unsur daripada maklumat yang diberikan dalam Jadual 1.


### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



$$\begin{aligned}
 12 - 2 &= 10 \\
 49 - 22 - 10 - 2 & \\
 &= 15 \\
 47 - 2 & \\
 &= 45 \\
 188 - 15 - 45 - 2 & \\
 &= 126
 \end{aligned}$$

Calon dapat melengkapkan gambar rajah Venn di ruang jawapan yang disediakan dengan menulis bilangan unsur yang tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon dapat melengkapkan gambar rajah Venn di ruang jawapan yang disediakan dengan menulis bilangan unsur yang betul bagi set  $K$  sahaja, set  $M$  sahaja dan ketiga-tiga syarikat yang diperolehi daripada jadual diberi.

**Soalan 12 (b)(ii)**

- (ii) Seterusnya, hitung bilangan responden yang tidak memilih sebarang syarikat penerbangan.

*Hence, calculate the number of respondents who do not choose any airlines.*

Calon dikehendaki **menghitung bilangan responden** yang tidak memilih sebarang syarikat penerbangan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$300 - 126 - 15 - 2 - 45 - 22 - 10 - 63$$

$$= 17 \text{ respondents}$$

Calon dapat **menghitung bilangan responden** yang tidak memilih sebarang syarikat penerbangan dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$300 - 126 - 13 - 22 - 47 - 2 - 12 - 63 = 15$$

Calon menghitung bilangan responden yang tidak memilih sebarang syarikat penerbangan dengan menggunakan nilai bilangan unsur daripada gambar rajah Venn yang salah.



**Soalan 12 (b)(iii)**

- (iii) Berdasarkan jawapan anda di **12(b)(i)**, nyatakan bilangan responden yang diwakili oleh  $(B \cap K) \cap M'$ .

*Based on your answer in 12(b)(i), state the number of respondents represented by  $(B \cap K) \cap M'$ .*

Calon dikehendaki **menyatakan bilangan responden** yang diwakili oleh gabungan operasi set yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

15

Calon dapat menyatakan bilangan responden yang diwakili oleh gabungan operasi set yang diberi dengan tepat.

**Soalan 13 (a)(i)**

Jadual 2.1 menunjukkan kekerapan longgokan bagi 80 orang murid Tingkatan Satu SMK Sena dalam satu ujian diagnostik bagi tahun 2022.

*Table 2.1 shows the cumulative frequency of 80 Form One students of SMK Sena in a diagnostic test in 2022.*

<b>Markah Mark</b>	<b>Kekerapan Longgokan Cumulative Frequency</b>
20 – 29	6
30 – 39	14
40 – 49	30
50 – 59	49
60 – 69	65
70 – 79	74
80 – 89	80

Jadual 2.1

*Table 2.1*

- (a) Selepas semakan semula, didapati bahawa markah seorang murid telah berubah daripada 68 kepada 71. Berdasarkan perubahan data itu,

*After rechecking, it is found that the mark of a student has changed from 68 to 71. Based on the change of the data,*

- (i) lengkapkan Jadual 2.2 di ruang jawapan.

*complete Table 2.2 in the answer space.*

Calon dikehendaki **melengkapkan Jadual 2.2** di ruang jawapan yang disediakan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

<b>Markah Mark</b>	<b>Kekerapan Frequency</b>	<b>Titik tengah Midpoint</b>
10 – 19	0	14.5
20 – 29	6	24.5
30 – 39	8	34.5
40 – 49	16	44.5
50 – 59	19	54.5
60 – 69	15	64.5
70 – 79	10	74.5
80 – 89	6	84.5
90 – 99	0	94.5

Calon dapat melengkapkan jadual kekerapan di ruang jawapan yang disediakan dengan mengisi nilai kekerapan yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

<b>Markah Mark</b>	<b>Kekerapan Frequency</b>	<b>Titik tengah Midpoint</b>
10 – 19	0	14.5
20 – 29	6	24.5
30 – 39	8	34.5
40 – 49	16	44.5
50 – 59	19	54.5
60 – 69	15	64.5
70 – 79	11	74.5
80 – 89	5	84.5
90 – 99	0	94.5

Calon dapat melengkapkan jadual kekerapan di ruang jawapan yang disediakan dengan mengisi sekurang-kurangnya lima nilai kekerapan yang betul.


**Soalan 13 (a)(ii)**

(ii) seterusnya, menggunakan skala 2 cm kepada 10 markah pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 2 orang murid pada paksi mencancang, lukis satu poligon kekerapan.

*hence, using a scale of 2 cm to 10 marks on the horizontal axis and 2 cm to 2 students on the vertical axis, draw a frequency polygon.*


Calon dikehendaki **melukis satu poligon kekerapan** menggunakan skala yang diberikan berdasarkan jadual kekerapan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Calon berjaya memplot 9 titik dan melukis poligon kekerapan menggunakan skala yang diberikan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon berjaya memplot sekurang-kurangnya 5 titik yang betul dan melukis poligon kekerapan menggunakan skala yang diberikan.

### Soalan 13 (b)(i)

- (b) Berdasarkan graf di 13(a)(ii), pihak sekolah ingin membuat perbandingan antara prestasi murid tahun 2022 dengan tahun 2021. Jadual 2.3 menunjukkan maklumat tentang min dan sisihan piawai bagi dua tahun ujian tersebut.

*Based on the graph in 13(a)(ii), the school wants to make a comparison between the students' performance in 2022 and 2021. Table 2.3 shows the information of the mean and the standard deviation of the two years tests.*

Tahun Year	Min Mean	Sisihan Piawai Standard Deviation
2021	54.75	14.37
2022	54.75	$x$

Jadual 2.3  
Table 2.3

- (i) hitung nilai  $x$ .  
*calculate the value of  $x$ .*

Calon dikehendaki **menghitung nilai  $x$**  iaitu nilai sisihan piawai prestasi murid bagi tahun 2022.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$x = \sqrt{\frac{0(14.5)^2 + 6(24.5)^2 + 8(34.5)^2 + 16(44.5)^2 + 19(54.5)^2 + 15(64.5)^2 + 10(74.5)^2 + 6(84.5)^2}{80} - 54.75^2}$$
$$= 16.65$$

Calon dapat menghitung nilai  $x$  menggunakan rumus sisihan piawai dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\text{mean} = 54.75$$

$$\sum fx^2 = 6(24.5)^2 + 8(34.5)^2 + 16(44.5)^2 + 19(54.5)^2 + 15(64.5)^2 + 11(74.5)^2 + 5(84.5)^2$$
$$= 260400$$
$$N = 80$$

$$\text{standard deviation} = \sqrt{\frac{260400}{80} - 54.75^2}$$
$$= 16.04$$

Calon dapat menghitung nilai  $x$  menggunakan rumus sisihan piawai tetapi menggunakan dua nilai kekerapan yang salah daripada jadual kekerapan.

